

16 JUN 1998

MAHATHIR-PERJANJIAN/I

MAHATHIR SAKSI LIMA PERJANJIAN MELIBATKAN CYBERVIEW

CYBERJAYA, 16 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyaksikan pemeteraian lima perjanjian di antara pemaju utama bandaraya pintar Cyberjaya, Cyberview Sdn Bhd, dengan empat syarikat lain.

Perjanjian tersebut melibatkan pembangunan prasarana fizikal dan kemudahan sokongan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Perjanjian yang pertama adalah dengan Telekom Malaysia Bhd bagi penyediaan kemudahan teknologi maklumat terkini untuk zon utama Cyberjaya yang seluas 2,800 hektar.

Di bawah perjanjian yang bernilai RM1 bilion agreement, Telekom Malaysia akan diberi hak eksklusif untuk mereka, merancang, memasang, melaksana dan mengendalikan prasarana telekomunikasi dalam zon tersebut.

Cyberjaya, yang akan menjadi nadi MSC, akan menerajui pembangunan industri multimedia di negara ini.

Ia merangkumi kasawan seluas 7,000 hektar.

Cyberview juga memeterai dua lain perjanjian dengan Telekom Malaysia bagi penjualan dan pembelian tanah untuk pembangunan universiti multimedia, dan yang ketiga adalah untuk pembangunan kompleks teknologi maklumat di Cyberjaya.

Tanah tersebut dibeli dengan harga RM133.84 juta.

Mereka yang menandatangani perjanjian tersebut termasuk Pengerusi Cyberview, Tan Sri Othman Yeop Abdullah, dan Ketua Pegawai Eksekutif Telekom Malaysia, Datuk Mohamed Said Mohamed.

Perjanjian yang keempat -- penjualan dan pembelian -- telah dimeterai di antara Cyberview dan PNB Property Management Sdn Bhd.

PNB Property Management diwakili oleh Ketua Eksekutif Kumpulan, Hamad Kama Piah Che Othman.

Perjanjian yang kelima adalah bagi pemeteraian perjanjian usahasama di antara Seseni Energy Services Sdn Bhd dan Tenaga SPL Sdn Bhd, yang telah diberikan hak untuk membangun sistem penyejukan kawasan perdagangan dalam zon utama Cyberjaya.

Syarikat usahasama itu akan merancang, mereka, membina, memiliki dan mengendalikan sistem penyejukan kawasan bagi keseluruhan zon tersebut.

Pengarah Tenaga SPL, Megat Abdul Rahman Megat Ahmad, menandatangani perjanjian itu bagi pihak syarikatnya, manakala Seseni diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Shaharel Shafiel.

-- BERNAMA

AD JR MA